

Rak Kebajikan FPEP 2024: Inisiatif Pihak FPEP Mendepani Kebajikan Pelajar

Wijaya Kamal Bin Ramalan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan

Universiti Malaysia Sabah

Rak Kebajikan FPEP 2024 merupakan salah satu inisiatif yang telah lama diwujudkan di FPEP yang bermula pada sekitar tahun 2015 khususnya bagi membantu pelajar fakulti yang kurang berkemampuan dan B40 daripada semasa ke semasa. Program ini dijalankan pada setiap hari Jumaat iaitu pada pukul 9.00 pagi-11.00 pagi dan 2.00 petang-4.00 petang sepanjang semester. Serahan bahan makanan kering akan diberikan kepada mana-mana pelajar residen kolej atau non residen yang duduk di luar dari kawasan kampus sama ada menyewa atau duduk bersama ahli keluarga masing-masing. Bantuan bahan makanan kering ini antaranya termasuklah beras, telur, minyak, biskut, minuman 3 in 1 termasuklah barang kelengkapa diri seperti sabun mandi, ubat gigi dan lain-lain lagi. Pihak Dekan FPEP UMS, Prof Madya Dr Mohd Rahimie Abd. Karim menyatakan, usaha murni ini telah lama digerakkan di peringkat fakulti di bawah seliaan Encik Wijaya Kamal Ramalan dan dibantu oleh pelajar fakulti daripada semasa ke semasa. Sumbangan bahan makanan kering ini datang terus daripada warga fakulti dan alhamdulillah ia telah memberi manfaat kepada pelajar fakulti. Pada semester 1 kali ini, seramai 85 orang pelajar fakulti telah menggunakan kemudahan ini dan mendapat manfaat daripadanya.

